RE KAMARUL ARIFFIN MOHD KHAIDZIR EX P MAJLIS AMANAH RAKYAT

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
RAMLY ALI H
[KEBANKRAPAN NO: 29-293-2000]
31 JANUARI 2002

KEBANKRAPAN: *Amalan dan prosedur - Notis kebankrapan - Notis tidak dimeterai tapi ditandatangani oleh pendaftar - Sama ada suatu luar-aturan - Notis diasaskan kepada penghakiman ingkar - Kewujudan permohonan untuk mengetepi penghakiman ingkar - Sama ada memberi kesan mengetepikan notis - Permintaan Untuk Mengeluarkan Notis Kebankrapan - Ketiadaan meterai pemiutang penghakiman pada Borang - Sama ada sah - Akta Kebankrapan 1967, ss. 131, 133 - Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, kk. 18, 107, 215 - Akta Majlis Amanah Rakyat 1966, s. 35(b)*

KEBANKRAPAN: *Perbuatan kebankrapan - Notis kebankrapan - Pengetepian - Permohonan di bawah k. 18 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 - Kewujudan permohonan untuk mengetepi notis - Sama ada menghalang 'act of bankruptcy' - Perlindungan k. 95(2) - Sama ada terpakai kepada permohonan di bawah k. 18 - Petisyen pemiutang - Sama ada teratur - Akta Kebankrapan 1967, ss. 3(c)(i), 5(1)(c) - Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, kk. 18, 94(b), 95(1), (2)*

Pada 29 September 1999, Majlis Amanah Rakyat, pemiutang penghakiman, telah memperoleh satu penghakiman ingkar terhadap penghutang penghakiman. Pada 19 April 2000, pemiutang penghakiman memfailkan notis kebankrapan terhadap penghutang penghakiman dan seterusnya menyerahkan notis secara peribadi kepada penghutang penghakiman. Pada 26 Jun 2000, penghutang penghakiman memfail permohonan di bawah k. 18, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 ('Kaedah') untuk mengetepikan notis kebankrapan, dan selepas itu, pada 21 Julai 2000, memfailkan permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar. Fakta menunjukkan bahawa permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar telah ditolak oleh penolong kanan pendaftar dan rayuan penghutang penghakiman terhadapnya, pada waktu material, masih belum didengar. Sementara itu, pada 23 November 2000, pemiutang penghakiman telah memfailkan petisyen pemiutangnya.

Berikutnya, pada 23 Mei 2001, penghutang penghakiman telah memfail notis untuk membantah petisyen pemiutang. Pada 3 Julai 2001 timbalan pendaftar telah menolak permohonan penghutang penghakiman untuk mengenepikan notis kebankrapan dan penghutang penghakiman telah merayu terhadap keputusan

tersebut. Pada 11 September 2001, timbalan pendaftar telah membenarkan notis niat untuk membantah petisyen pemiutang dan seterusnya membatalkan petisyen tersebut. Terhadap keputusan ini, pemiutang penghakiman pula merayu.

Di hadapan yang arif hakim, yang mendengar kedua-dua rayuan, hujah-hujah mengenai kekesanan dan keterpakaian ss. 3(1)(i), 131 dan 133 Akta Kebankrapan 1967 ('Akta'), kk. 18, 94(b), 95(1) dan 95(2) Kaedah serta s. 35(b) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 telah dibangkitkan oleh kedua-dua pihak. Di antara isu yang berbangkit adalah: (i) sama ada kewujudan permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan di sini telah menghalang berlakunya apa-apa perbuatan kebankrapan sehinggalah permohonan tersebut didengar atau diputuskan; (ii) sama ada petisyen pemiutang di sini, yang difail sebelum permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan didengar atau diputuskan, adalah pra-matang dan dengan itu harus dibatalkan.

Diputuskan:

[1] Tujuan notis kebankrapan adalah untuk memaklumkan kepada penghutang penghakiman tentang jumlah yang beliau terhutang. Dalam kes ini, kesahihan notis kebankrapan tidak boleh dinafikan kerana ianya diserahkan secara peribadi dan notis tersebut ditandatangani oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuantan dan dicop resmi oleh beliau. Perlu juga diingat bahawa kegagalan untuk memeterai salinan notis kebankrapan tersebut tidak menjejaskan peluang penghutang penghakiman untuk membela dirinya. (ms 911 b-f & 912 b-c)

[1a] Mengambilkira autoriti *Au Yong v. Dicum & Anor* serta *Re Samuel Pakianathan Jabamanickam, ex p Perwira Habib Bank (M) Berhad*, adalah jelas bahawa, walaupun tidak dimeterai seperti yang dikehendakki k. 107 Kaedah, notis kebankrapan masih boleh diperbaiki di bawah s. 131 Akta dan boleh diterimapakai bagi tujuan prosiding ini. (ms 911 b-f & 912 d)

[2] Permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar hanya dibuat oleh penghutang penghakiman sebulan selepas notis kebankrapan diserahkan kepadanya. Fakta menunjukkan bahawa, semasa notis kebankrapan difailkan pada 19 April 2000, penghakiman ingkar berkenaan masih sah dan berkuatkuasa dengan sepenuhnya. Oleh yang demikian, notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 tersebut adalah teratur dan sempurna semasa ianya difailkan, dan tiada sebab mengapa ianya patut diketepikan. (ms 914 e-g & 915 d)

[3] Pengataan bahawa autoriti deponen dalam Borang Permintaan Untuk Mengeluarkan Notis Kebankrapan tidak dinyatakan adalah tidak berasas. Fakta menunjukkan bahawa surat pemberian kuasa seperti yang dikeluarkan oleh Pengerusi MARA pada 10 Disember 1991 di bawah s. 35(b) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 masih sah dan sempurna untuk memberi kuasa kepada Rabiatul Adawiyah, iaitu pegawai undang-undang pemiutang penghakiman, untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap penghutang penghakiman dengan mengisi Borang Permintaan berkenaan. Dalam keadaan sedemikian adalah tidak perlu untuk meletakkan meterai pemiutang penghakiman ke atas borang tersebut. Rabiatul Adawiyah sememangnya mempunyai kuasa yang sempurna untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap penghutang penghakiman. (ms 916 c-d & g-h)

[4] Peruntukan khusus bagi sesuatu permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan adalah seperti di bawah k. 95(1) Kaedah iaitu dengan memfailkan afidavit, manakala k. 18, yang merupakan permohonan melalui saman dalam kamar, adalah peruntukan umum bagi sesuatu permohonan yang perlu dibuat berkaitan prosiding kebankrapan. Pemfailan afidavit di bawah k. 95(1) adalah tertakluk kepada k. 94(b) Kaedah serta s. 3(1)(i) Akta, iaitu penghutang penghakiman hendaklah menyatakan di dalam afidavit bahawa beliau mempunyai tuntutan balas, set-off atau tuntutan selisih yang menyamai atau melebihi amaun yang dituntut pemiutang penghakiman dalam notis kebankrapan. Afidavit yang sama hendaklah difailkan dalam tempoh tujuh hari selepas penyerahan notis kebankrapan dan sebaik difailkan ia menjadi permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan. (ms 919 c & 920 e & g-h)

[4a] Juga jelas bahawa sekiranya permohonan seperti di atas tidak dapat didengar dan diputuskan dalam masa yang ditetapkan, maka pendaftar perlu melanjutkan tempoh masa tersebut, dan seperti yang diperuntukkan di bawah k. 95 (2), satu perbuatan kebankrapan tidak akan dilakukan selagi permohonan tersebut belum diputuskan. (ms 921 a-c)

[5] Permohonan di bawah k. 18 Kaedah, sepertimana halnya dengan permohonan penghutang penghakiman di sini, tidak memenuhi kehendak-kehendak bagi sesuatu permohonan di bawah k. 95(1) Kaedah. Ia juga tidak mematuhi kehendak-kehendak s. 3(1)(i) Akta dan k. 94(b) Kaedah. Permohonan tersebut adalah tidak sama statusnya dengan permohonan di bawah k. 95(1), dan oleh itu tidak menikmati perlindungan yang terkandung di bawah k. 95 (2) Kaedah. Dalam ertikata lain, perlanjutan masa dan perlindungan di bawah k. 95(2) adalah tidak terpakai dalam kes di sini. (ms 921 f-g & 922 b-c)

[5a] Penghutang penghakiman telah melakukan perbuatan kebankrapan pada 28 Jun 2000 iaitu tujuh hari selepas notis kebankrapan diserahkan kepadanya pada 21 Jun 2000. Ini bermakna pemfailan petisyen pemiutang oleh pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman yang dibuat pada 23 November 2000, iaitu dalam tempoh enam bulan dari tarikh berlakunya perbuatan kebankrapan, adalah teratur dan selaras dengan peruntukan s. 5(1)(c) Akta. (ms 923 e)

[Rayuan penghutang penghakiman ditolak; rayuan pemiutang penghakiman dibenarkan; petisyen pemiutang dirujuk kepada pendaftar untuk perbicaraan lanjut dan untuk perintah adjudikasi dan penerimaan.]

Kes-kes yang dirujuk:

Au Yong v. Dicum & Anor [1963] 29 MLJ 349 ***(dibezakan)***

Chern Yen Ming & Anor v. Teng Ik Ngee Construction Sdn Bhd & Ors [1996] 1 CLJ 571 HC ***(dirujuk)***

Datuk Lim Kheng Kim v. Malayan Banking Bhd [1993] 3 CLJ 324 SC ***(dirujuk)***

In re A Debtor ex p Debtor (No 523 of 1934) [1935] 1 Ch 347 ***(dirujuk)***

Re Che Ku Rohaida Che Ku Sin, ex p Public Finance Bhd [2002] 5 CLJ 435 HC ***(dirujuk)***

Re MPLM Muthiah Chettiar, ex p SPN Ramanathan Chettiar [1938] MLJ Rep 223 ***(dirujuk)***

Re Samuel Pakianathan Jabamanickam, ex p Perwira Habib Bank (M) Bhd [1997] 5 MLJ 737 ***(diikuti)***

Re Udos, ex p Seabenc Kredit Sdn Bhd [1994] 3 CLJ 377 HC ***(dibezakan)***

Perundangan yang dirujuk:

Bankruptcy Act 1967, ss. 3(c)(i), 5(1)(c), 105, 131, 133
Bankruptcy Rules 1921, rr. 95, 107
Bankruptcy Rules 1969, rr. 18(1), 94(1)(b), 95(1), 97, 107, 109, 205, 215
Majlis Amanah Rakyat Act 1966 (Act 20/1966), s. 35(b)
Straits Settlement Ordinance, s. 128

Bagi pihak pemiutang penghakiman - K Gauri; T/n Md Tajuddin & Co
Bagi pihak penghutang penghakiman - R Sarengapani; T/n Vendargon & Partners

Dilaporkan oleh WA Sharif

PENGHAKIMAN

Ramly Ali H:

Di dalam prosiding ini terdapat dua rayuan berasingan kepada hakim dalam kamar (kand. 21 dan kand. 24) terhadap dua keputusan yang dibuat oleh timbalan pendaftar berkaitan dengan permohonan penghutang penghakiman di dalam kand. 6A dan kand. 17.

Melalui kand. 6A, penghutang penghakiman telah memohon satu perintah bahawa penyerahan notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 serta segala prosiding kebankrapan terhadapnya diketepikan; atau secara alternatif, segala prosiding kebankrapan terhadapnya digantungkan. Pada 3 Julai 2001, timbalan pendaftar telah menolak permohonan tersebut. Akibat daripada itu, penghutang penghakiman telah memfailkan notis rayuan (kand. 21) kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan tersebut.

Melalui kand. 17 pula, penghutang penghakiman telah memfailkan notis niat untuk membantah petisyen pemiutang. Pada 11 September 2001, timbalan pendaftar telah memerintahkan bahawa notis niat untuk membantah petisyen pemiutang tersebut dibenarkan dan petisyen pemiutang dibatalkan dengan kos.

Akibat daripada perintah tersebut, pemiutang penghakiman pula telah memfailkan rayuan (kand. 24) kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan tersebut.

Pada 31 Januari 2002, setelah menimbangkan hujahan-hujahan kedua-dua pihak berkenaan, mahkamah ini telah memutuskan seperti berikut:

(i) rayuan oleh penghutang penghakiman melalui kand. 21 ditolak dengan kos; dan

(ii) rayuan oleh pemiutang penghakiman melalui kand. 24 dibenarkan dengan kos.

Juga diperintahkan bahawa petisyen berkenaan dirujuk semula kepada timbalan pendaftar atau penolong kanan pendaftar untuk perbicaraan lanjut untuk "adjudication order" dan "receiving order".

Latarbelakang Kes

Pemiutang penghakiman telah memperolehi satu penghakiman ingkar terhadap penghutang penghakiman pada 29 September 1999 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Pada 19 April 2000 pemiutang penghakiman telah memfailkan satu notis kebankrapan terhadap penghutang penghakiman di mahkamah ini. Pada 21 Jun 2000, notis kebankrapan tersebut telah diserahkan kepada penghutang penghakiman secara peribadi (kediri) oleh penyerah saman mahkamah. Berikutan dengan itu, pada 26 Jun 2000, penghutang penghakiman telah memfailkan satu permohonan untuk mengenepikan notis kebankrapan (kand. 6A). Pada 21 Julai 2000 penghutang penghakiman telah memfailkan satu permohonan di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur untuk mengetepikan penghakiman ingkar bertarikh 29 September 1999. Permohonan tersebut telah ditolak dengan kos oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Penghutang penghakiman telah memfailkan rayuan terhadap permohonan tersebut kepada hakim dalam

kamar juga di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan akan didengar pada 9 April 2002. Pada 23 November 2000 petisyen permiutang telah difailkan. Pada 21 Mei 2001 petisyen pemiutang telah diserahkan kepada penghutang penghakiman. Pada 23 Mei 2001, penghutang penghakiman telah memfailkan pula notis untuk membantah petisyen pemiutang (kand. 17). Pada 3 Julai 2001 timbalan pendaftar telah menolak permohonan penghutang penghakiman (kand. 6A) dengan kos. Pada 11 September 2001 timbalan pendaftar telah membenarkan notis niat untuk membantah petisyen pemiutang (kand. 17) dan seterusnya membatalkan petisyen pemiutang dengan kos.

Untuk tujuan alasan penghakiman ini, saya akan menimbangkan kedua-dua rayuan tersebut (kand. 21 dan kand. 24) secara berasingan satu persatu.

Rayuan Pertama (Kand. 21)

Rayuan di kand. 21 telah difailkan oleh penghutang penghakiman terhadap keputusan timbalan pendaftar menolak dengan kos permohonan penghutang penghakiman di dalam kand. 6A. Melalui kand. 6A, penghutang penghakiman memohon satu perintah bahawa penyerahan notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 serta segala prosiding kebankrapan terhadapnya diketepikan; atau secara alternatif, bahawa segala prosiding kebankrapan terhadapnya digantungkan. Peguam penghutang penghakiman telah menimbulkan tiga isu di dalam hujahan rayuannya. Isu-isu tersebut adalah seperti berikut:

(i) sama ada penyerahan notis kebankrapan sempurna atau tidak kerana notis tersebut tidak mempunyai meterai mahkamah (isu pertama);

(ii) sama ada notis kebankrapan patut diketepikan memandangkan terdapat satu permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar bertarikh 29 September 1999 di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur (isu kedua); dan

(iii) sama ada notis kebankrapan dan borang permintaan untuk mengeluarkan notis kebankrapan sah atau tidak oleh sebab tiada meterai pemiutang penghakiman dan autoriti deponen juga tidak dinyatakan di dalam salinan borang permintaan tersebut (isu ketiga).

Isu Pertama

Peguam penghutang penghakiman menghujahkan bahawa notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 tidak diserahkan dengan sempurna kepada penghutang penghakiman atas alasan bahawa salinan yang diserahkan tidak mempunyai meterai (seal) mahkamah, sebaliknya hanya ditandatangani oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuantan serta cop rasmi penolong kanan pendaftar. Peguam penghutang penghakiman menghujahkan bahawa penyerahan sedemikian telah gagal mematuhi kehendak kk. 97 dan 109, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, yang antara lain memperuntukkan supaya sesuatu notis kebankrapan

hendaklah diserahkan secara peribadi (kediri) oleh pegawai mahkamah dengan menyerahkan salinan yang dimeterai (sealed copy) kepada penghutang penghakiman. Peguam penghutang penghakiman juga mengemukakan beberapa kes untuk menyokong hujahannya, antaranya ialah kes *Re M.P.L..M. Muthiah Chettiar, ex parte S.P.N Ramanathan Chettiar* [1938] MLJ Rep 223, dan *Chern Yen Ming @ Chin Yoon Men & Anor v. Teng Ik Ngee Construction Sdn. Bhd. & 3 Ors (Chern Book Hong & Anor, Third Parties)* [1996] 1 CLJ 571.

Adalah tidak dipertikaikan bahawa notis kebankrapan tersebut telah diserahkan oleh penghantar saman mahkamah Kuantan kepada penghutang penghakiman pada 21 Jun 2000 yang memegang salinan yang dimeterai oleh mahkamah. Hanya salinan yang diserahkan kepada penghutang penghakiman tidak dimeterai oleh mahkamah, tetapi salinan tersebut mempunyai tandatangan penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuantan serta cop rasmi penolong kanan pendaftar tersebut.

Peguam pemiutang penghakiman bersetuju bahawa notis kebankrapan yang diserahkan kepada penghutang penghakiman perlu dimeterai oleh mahkamah, tetapi beliau berpendapat kegagalan berbuat demikian hanyalah merupakan satu luar aturan (irregularity) yang tidak mendatangkan kemudaratan kepada penghutang penghakiman dan boleh diperbaiki di bawah s. 131 Akta Kebankrapan 1967.

Saya bersependapat dengan peguam pemiutang penghakiman dalam perkara ini. Memang benar k. 109 (dibaca bersama k. 97) Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 menetapkan agar salinan notis kebankrapan yang diserahkan kepada penghutang penghakiman hendaklah dimeterai oleh mahkamah. Namun demikian, saya juga berpendapat bahawa kegagalan berbuat demikian tidak sama sekali menjejaskan atau memudaratkan kepentingan penghutang penghakiman atau menimbulkan ketidakadilan yang besar (substantial injustice) kepada penghutang penghakiman. Kegagalan tersebut lebih merupakan satu luar aturan (irregularity) yang boleh diperbaiki dibawah s. 131 Akta Kebankrapan 1967 yang menyatakan:

> **131. Formal defect not to invalidate proceedings.**
>
> No proceeding in bankruptcy shall be invalidated by any formal defect or by any irregularity, unless the court before which an objection is made to the proceedings is of the opinion that substantial injustice has been caused by the defect or irregularity and that the injustice cannot be remedied by any order of that court.

Di dalam kes sekarang, penghutang penghakiman tidak sekali mengemukakan apakah ketidakadilan besar (substantial injustice) yang telah beliau alami akibat kegagalan memeterai notis kebankrapan tersebut. Kesahihan notis kebankrapan tersebut tidak dapat dinafikan kerana ianya telah diserahkan secara peribadi (kediri) oleh penghantar saman Mahkamah Tinggi Kuantan sendiri dan notis tersebut telah ditandatangani oleh penolong pendaftar Mahkamah Tinggi Kuantan dan dicop rasmi oleh beliau. Tujuan sesuatu notis kebankrapan adalah untuk memaklumkan kepada penghutang penghakiman jumlah yang beliau terhutang kepada pemiutang penghakiman dengan tepat. Perkara ini tidak dipertikaikan sama sekali oleh penghutang penghakiman. Beliau juga tidak sama sekali mengemukakan bagaimana perkara tersebut telah mengelirukan beliau atau memberi gambaran yang salah berkenaan jumlah yang beliau terhutang.

Kegagalan untuk memeterai salinan notis kebankrapan tersebut tidak sama sekali menjejaskan peluang dan hak penghutang penghakiman untuk membela dirinya, jika perlu.

Pendapat di atas adalah disokong oleh keputusan Mahkamah Rayuan di dalam kes *Au Yong v. Dicum & Anor* [1963] 29 MLJ 349, di mana di dalam kes tersebut penghutang penghakiman telah mencabar petisyen pemiutang atas alasan bahawa notis kebankrapan yang diserahkan kepada beliau tidak dimeterai dan tidak ditandatangani oleh pendaftar mahkamah, bertentangan dengan k. 95 dan k. 107, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1921. Mahkamah Rayuan dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa penyerahan salinan notis kebankrapan yang tidak bermeterai dan tidak ditandatangani adalah bertentangan dengan kaedah-kaedah berkenaan dan merupakan satu perkara luar aturan (irregularity) yang tidak mendatangkan sebarang prejudis kepada penghutang penghakiman. Kedua-dua hakim Thomson CJ dan Barakhbah JA di dalam kes tersebut telah memutuskan bahawa:

> Even if service of an unsealed and unsigned copy of the bankruptcy notice was contrary to the Bankruptcy Rules, it was a mere irregularity which occasioned no injustice to the debtor.

Barakbah JA di dalam kes tersebut (di ms 353) juga memutuskan bahawa:

> But assuming that rule 107, which requires a sealed copy had not been complied with, in my view, it was an irregularity, not a nullity, which could be cured by section 131 of the Bankruptcy Ordinance ...
>
> I say it is an irregularity because it affected only the mode of service ... and having regard to all the circumstances of the case, I consider that no substantial injustice has been caused by this irregularity to the appellant.

Di dalam kes yang sama *(Au Yong)* Thomson CJ (di ms 352) telah menyatakan: *a*

> In the present case there was no "failure of process". What there was (if indeed it was that) was a failure to effect service in the way required by the Bankruptcy Rules and basing myself on the case of *Fry v. Moore (supra)*, I take the view that there was an irregularity and nothing more. That leads to the question whether there has been any substantial injustice and of course in a case of bankruptcy that must be examined with the most scrupulous anxiety for as was said by Bigham J in the case of *In re Thread Kell* quoted by Farwell CJ in *In re A Debtor*, bankruptcy proceedings "have the most gravious consequences not only for the debtor but other people." Here the appellant has not even alleged that there has been any injustice, far less any "substantial injustice". He has not said that the notice did not come to his knowledge or that it came to his knowledge when it was too late to do anything about it, and indeed he could not say so because the fact that he was able to take very vigourus steps, and take them in proper time, to deal with it shows that he did have timeous knowledge. Nor has he said that there was anything in the paper he saw that could have misled him in any way ... All he has said is that there has been non-compliance with the rules ... *b c d*

Jika diperhatikan, di dalam kes tersebut *(Au Yong)* Mahkamah Rayuan telah menolak keputusan Mahkamah Tinggi Melaka di dalam kes *Re M.P.L.M. Muthiah Chettiar, ex parte Ramanathan Chettiar (supra)* kes yang dirujuk sebagai sokongan hujahan oleh penghutang penghakiman atas alasan bahawa kes *Muthiah* tersebut tidak merujuk kepada s. 128 Straits Settlement Ordinance (Cap 1945) yang merupakan in *pari materia* dengan s. 131 Akta Kebankrapan 1967. *e*

Di dalam kes *Au Yong*, notis kebankrapan berkenaan telah tidak dimeterai dan tidak ditandatangani oleh pendaftar, tetapi diputuskan sebagai satu luar aturan (irregularity) yang boleh dibaiki di bawah s. 131 Akta Kebankrapan 1967. Sedangkan dalam kes sekarang ini, notis kebankrapan berkenaan hanya tidak dimeterai tetapi telah ditandatangani oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuantan dan dicop rasmi jawatan penolong kanan pendaftar. Adalah tidak patut sekiranya notis tersebut dibatalkan atas alasan ianya tidak dimeterai. *f g*

Di dalam kes *Re Samuel Pakianathan a/l Jabamanickam, ex parte Perwira Habib Bank (M) Bhd* [1997] 5 MLJ 737, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memutuskan bahawa: *h*

> (3) Since the object of the bankruptcy notice was to bring to the attention of the appellant that the bankruptcy notice had indeed been issued against him, notwithstanding the fact that a true copy and not a sealed copy was served on the appellant, such service though strictly not in compliance with the Rules,

i

did not render the service bad. Therefore, there had been effective service of the bankruptcy notice ... *Au Yong v. Dicum* [1963] MLJ 349 ... followed and *Re MPLM Muthiah Chettiar, ex parte SPN Ramanathan Chettiar* [1938] MLJ 233 not followed.

Berdasarkan autoriti-autoriti di atas, saya amat berpuashati dan memutuskan bahawa notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 yang difailkan oleh pemiutang penghakiman dalam prosiding ini, walaupun tidak dimeterai seperti yang dikehendaki oleh k. 107, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, adalah sempurna dan boleh diperbaiki di bawah s. 131 Akta Kebankrapan 1967 dan boleh diterimapakai bagi tujuan prosiding ini.

Isu Kedua

Peguam pemiutang penghakiman juga menghujahkan bahawa penghakiman ingkar bertarikh 29 September 1999, yang menjadi asas kepada tuntutan pemiutang penghakiman terhadap penghutang penghakiman, tidak merupakan satu penghakiman muktamad kerana terdapat satu permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar tersebut masih belum diputuskan oleh Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur. Oleh itu peguam penghutang penghakiman menghujahkan bahawa notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 patutlah diketepikan.

Saya tidak bersetuju dengan hujahan tersebut, kerana pada masa notis kebankrapan difailkan pada 19 April 2000 penghakiman ingkar (yang telah diberikan pada 29 September 1999) adalah masih sah dan berkuatkuasa. Penghutang penghakiman hanya memfailkan permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur pada 21 Julai 2000, iaitu lebih tiga bulan selepas notis kebankrapan berkenaan difailkan dan selepas satu bulan selepas notis kebankrapan tersebut diserahkan kepada beliau secara peribadi (kediri). Permohonan tersebut telahpun ditolak dengan kos oleh penolong kanan pendaftar Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur dan penghutang penghakiman seterusnya telah memfailkan rayuan kepada hakim dalam kamar dan akan didengar pada 9 April 2002. Ini bermakna semasa permohonan tersebut difailkan oleh penghutang penghakiman, penghakiman ingkar berkenaan adalah sah dan oleh itu tiada sebab mengapa notis kebankrapan berkenaan patut diketepikan.

Peguam penghutang penghakiman mengemukakan kes *Re Udos @ Andrew Ak Riging; ex parte Seabenc Kredit Sdn. Bhd.* [1994] 3 CLJ 377, untuk menyokong hujahannya bahawa penghakiman ingkar bukan merupakan penghakiman muktamad jika terdapat permohonan untuk mengenepikan penghakiman ingkar tersebut. Mahkamah ini berpendapat fakta di dalam kes *Re Udos* tersebut dapat dibezakan dengan fakta kes sekarang ini. Oleh itu

keputusan kes tersebut, yang berdasarkan kepada fakta dan keadaan tersendiri di dalam kes tersebut tidak patut dipakai bagi kes sekarang ini yang mempunyai fakta dan keadaan yang berlainan.

Di dalam kes *Re Udos* tersebut, notis kebankrapan telah difailkan sementara menunggu satu tarikh pendengaran ditetapkan untuk permohonan mengetepikan penghakiman ingkar. Ini bermakna permohonan untuk mengetepikan penghakiman ingkar telah difailkan terlebih dahulu sebelum notis kebankrapan difailkan. Berikutan dengan itu penghutang penghakiman dalam kes tersebut telah memfailkan affidavit dibawah k. 95(1) Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dan membantah kepada notis kebankrapan atas alasan bahawa penghutang penghakiman mempunyai satu tuntutan balas terhadap pemiutang penghakiman yang tidak dapat dikemukakan di dalam tindakan di mana penghakiman direkodkan. Ini bermakna penghutang penghakiman dalam kes sekarang ini tidak boleh bergantung kepada keputusan kes *Re Udos* untuk membantu hujahannya dalam kes sekarang ini. Oleh itu, di dalam kes sekarang ini mahkamah berpendapat bahawa notis kebankrapan bertarikh 19 April 2000 adalah teratur dan sempurna semasa ianya difailkan kerana pada masa itu penghakiman ingkar bertarikh 29 September 1999 adalah masih sah dan tiada sebarang permohonan dibuat untuk mengetepikannya pada masa itu.

Mungkin dengan keputusan di atas, akan timbul satu soalan: Apakah remedi kepada penghutang penghakiman, sekiranya beliau berjaya mengetepikan penghakiman ingkar terhadap dirinya, selepas perintah "adjudication order" dan "receiving order" dikenakan ke atas dirinya. Dalam keadaan sedemikian, penghutang penghakiman masih mempunyai remedi di bawah s. 105 Akta Kebankrapan 1967 di mana beliau boleh membuat permohonan untuk membatalkan perintah "adjudication" tersebut dan mahkamah mempunyai bidangkuasa untuk berbuat demikian sekiranya mahkamah berpuashati bahawa perintah tersebut tidak patut dibuat dan perlu dibatalkan.

Isu Ketiga

Penghutang penghakiman juga menghujahkan bahawa notis kebankrapan dan Borang Permintaan Mengeluarkan Notis Kebankrapan dalam kes ini adalah tidak sah sebab tiada meterai pemiutang penghakiman dan autoriti atau pemberian kuasa deponen juga tidak dinyatakan di dalam Borang Permintaan Mengeluarkan Notis Kebankrapan berkenaan. Penghutang penghakiman menghujahkan bahawa adalah menjadi satu keperluan bahawa meterai (seal) pemiutang penghakiman harus diletak (affixed) kepada salinan Borang Permintaan Mengeluarkan Notis Kebankrapan untuk membolehkan pemiutang penghakiman memulakan prosiding kebankrapan selaras dengan kehendak k. 215 Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dibaca bersama dengan s. 133 Akta Kebankrapan 1967.

Apa yang saya perhatikan di dalam kes ini ialah Borang Permintaan Mengeluarkan Notis Kebankrapan (kand. 3) bertarikh 19 April 2000 telah dibuat oleh Rabiatul Adawiyah bte Ismail, bagi pihak pemiutang penghakiman. Sememangnya di dalam borang tersebut tiada terdapat meterai (seal) pemiutang penghakiman diletakkan (affixed) di dalamnya. Juga tiada terdapat autoriti atau pemberian kuasa beliau untuk bertindak bagi pihak pemiutang penghakiman di dalam perkara tersebut dilampirkan bersama.

Namun demikian, bila perkara itu dicabar oleh penghutang penghakiman, Rabiatul Adawiyah telah mengikrarkan satu affidavit tambahan bertarikh 6 Julai 2000 (kand. 7A) di mana beliau telah mengekshibitkan satu surat pemberian kuasa yang telah dikeluarkan oleh pengerusi pemiutang penghakiman dibawah s. 35(b) Akta Majlis Amanah Rakyat 1966 (Akta 20/1966) bertarikh 10 Disember 1991. Surat kuasa itu memberi kuasa kepada beliau, yang merupakan seorang Pegawai Undang-Undang, "untuk mendakwa atau mempertahankan bagi pihak Majlis Amanah Rakyat (pemiutang penghakiman) dan untuk maksud demikian, membawa, hadir dan menjalankan perbicaraan dan boleh mengambil dan membuat segala tindakan dan permohonan berkenaan dengan perbicaraan itu." Seksyen 35(b) Akta 20/1966 memperuntukkan:

> 35. Notwithstanding the provisions of any written law, in any civil proceedings by or against the Majlis or any corporation:
>
> (a) ...
>
> (b) any officer of the Majlis authorised in that behalf by special on general directions of the Chairman, may, on behalf of the Majlis or the corporation, as the case may be, institute, appear in and conduct such proceedings and may make and do all appearances, acts and applications in respect of such proceedings.

Surat pemberian kuasa tersebut telah dikeluarkan oleh Pengerusi MARA pada 10 Disember 1991. Tiada sebarang tanda yang menunjukkan bahawa suratkuasa tersebut telah ditarikbalik atau dibatalkan. Oleh itu, saya berpuashati dan memutuskan bahawa surat pemberian kuasa tersebut masih sah dan sempurna untuk memberi kuasa kepada Rabiatul Adawiyah bte Ismail untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap penghutang penghakiman dengan mengisi Borang Permintaan Untuk Mengeluarkan Notis Kebankrapan bertarikh 19 April 2000 seperti di kand. 3. Di dalam keadaan sedemikian adalah tidak perlu untuk meletakkan (affixed) meterai pemiutang penghakiman kerana surat pemberian kuasa di bawah s. 35(b) Akta 20/1966 adalah mencukupi memandangkan peruntukan s. 35(b) tersebut adalah berkuatkuasa "notwithstanding the provisions of any written law".

Rabiatul Adawiyah bte Ismail sememangnya mempunyai kuasa yang sempurna untuk memulakan prosiding kebankrapan terhadap penghutang penghakiman. Cuma, beliau tidak melampirkan sama atau menyatakan secara "express" tentang kuasa tersebut di dalam Borang Permintaan Untuk Mengeluarkan Notis Kebankrapan berkenaan. Mahkamah berpendapat adalah tidak perlu bagi beliau untuk berbuat demikian di dalam borang tersebut. Borang Permintaan Untuk Mengeluarkan Notis Kebankrapan adalah merupakan satu borang statutori seperti yang disediakan di dalam Format No. 4 di dalam apendix kepada Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969. Apa yang dilakukan oleh Rabiatul Adawiyah adalah semata-mata mematuhi format borang tersebut seperti yang telah disediakan. Oleh itu borang tersebut adalah sempurna dan sah untuk kegunaan prosiding ini. Pemberian kuasa tersebut tidak perlu dilampirkan bersama atau dinyatakan di dalam borang berkenaan, tetapi perlu dikemukakan bila ianya dicabar. Sehubungan dengan ini, saya amat bersetuju dan menerimapakai pandangan yang telah diberikan oleh mahkamah di dalam kes *Re Samuel Pakianathan a/l Jabamanickam ex parte Perwira Habib Bank Bhd. (supra)* di mana RK Nathan JC (pada masa itu) telah menyatakan:

> Where the authority from the corporation was given to the 'officer' under seal, proof of such authority must be furnished when challenged.

Di dalam kes tersebut juga mahkamah ada menyatakan:

> Had the respondent produced any form of authorisation given to these officers under seal even if such authorisation was given long ago, I could have considered it but none was produced.

Peguam penghutang penghakiman di dalam hujahan balasnya telah mengemukakan satu kes *Re Che Ku Rohaida bt Che Ku Sin, ex parte: Public Finance Berhad* [2002] 5 CLJ 435 yang diputuskan oleh Mahkamah Tinggi di Kuala Terengganu (kes masih belum diterbitkan) yang menyentuh tentang autoriti pegawai untuk menandatangani dokumen bagi pihak pemiutang penghakiman. Menyentuh tentang peruntukan k. 205, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969, mahkamah dalam kes tersebut telah menerimapakai keputusan di dalam kes *Re Samuel Pakianathan* dan menyatakan:

> Thus, by their provisions, it implies that the authority must be in existence when the petition was presented and such authority cannot therefore be ratified retrospectively, though such authority may be granted for the future presentation in respect of acts of bankruptcy which may not have arisen at the date when the authority was given.

Prinsip di atas sebenarnya adalah selaras dan tidak bercanggah dengan apa yang telah saya putuskan di dalam kes ini seperti di atas. Semasa borang permintaan untuk mengeluarkan notis kebankrapan difailkan pada 19 April 2000 dalam kes ini, Rabiatul Adawiyah bte Ismail telahpun sedia ada pemberian kuasanya seperti yang dikeluarkan oleh pengerusi MARA pada 10 Disember 1991 di bawah s. 35(b) Akta 20/1966. Pemberian kuasa tersebut telahpun dikemukakan melalui afidavit beliau (kand. 7A) bila ianya dicabar oleh penghutang penghakiman.

Keputusan Bagi Rayuan Pertama (Kand. 21)

Berdasarkan pertimbangan di atas, mahkamah berpuashati dan memutuskan bahawa kesemua isu-isu yang ditimbulkan di dalam rayuan ini adalah memihak kepada Pemiutang Penghakiman. Oleh itu Mahkamah memutuskan rayuan Penghutang Penghakiman (di dalam kand. 21) adalah ditolak dengan kos.

Rayuan Kedua (Kand. 24)

Rayuan di kand. 24 adalah merupakan rayuan oleh pemiutang penghakiman kepada hakim dalam kamar terhadap keputusan timbalan pendaftar yang diberikan pada 11 September 2001 yang memerintahkan bahawa notis niat untuk membantah petisyen pemiutang (kand. 17) dibenarkan dan petisyen pemiutang dibatalkan dengan kos.

Pemiutang penghakiman menghujahkan bahawa timbalan pendaftar telah khilaf bila beliau memutuskan bahawa pemfailan permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan oleh penghutang penghakiman dibawah k. 18, Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 menghalang berlakunya "an act of bankruptcy" atau "perbuatan kebankrapan" sehingga permohonan tersebut didengar dan diputuskan. Pemiutang penghakiman juga seterusnya menghujahkan bahawa timbalan pendaftar juga telah khilaf bila, akibat daripada keputusan di atas, beliau telah memutuskan bahawa petisyen pemiutang yang telah difailkan sebelum permohonan berkenaan yang dibuat di bawah k. 18 diputuskan, adalah "premature" (belum sampai waktu) dan dibatalkan dengan kos. Mengikut pemiutang penghakiman, tindakan dan keputusan sedemikian hanya boleh diambil oleh timbalan pendaftar sekiranya permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan tersebut dibuat di bawah k. 95(1) Kaedah-kaedah Kebankrapan 1969 dengan menggunakan Borang 7 seperti yang disediakan di dalam apendix kepada kaedah-kaedah tersebut, dan bukannya bila permohonan berkenaan dibuat di bawah k. 18.

Peguam penghutang penghakiman pula menghujahkan bahawa sesuatu permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan boleh dibuat melalui salah satu cara, sama ada:

(i) melalui permohonan secara saman dalam kamar di bawah k. 18, atau

(ii) melalui afidavit yang difailkan di bawah k. 95.

Bagi penghutang penghakiman, kesan kedua-dua cara tersebut adalah sama iaitu "an act of bankruptcy" atau "perbuatan kebankrapan" tidak akan dilakukan sehingga permohonan tersebut didengar dan diputuskan. Dengan itu, penghutang penghakiman menghujahkan bahawa petisyen pemiutang hanya boleh difailkan selepas permohonan tersebut diputuskan, bukan sebelumnya. Oleh kerana petisyen pemiutang dalam kes ini difailkan sebelum permohonan berkenaan diputuskan, maka penghutang penghakiman mendakwa petisyen tersebut adalah tidak sah dan harus dibatalkan.

Secara khusus, prosedur untuk mengetepikan sesuatu notis kebankrapan adalah seperti yang terkandung di dalam k. 95(1) Kaedah-kaedah berkenaan, yang memperuntukkan seperti berikut:

95. Application To Set Aside

(1) The filing of an affidavit shall operate as an application to set aside the Bankruptcy Notice, thereupon the Regisrar shall fix a day for hearing the application, and shall give not less than three clear days' notice thereof to the debtor, the creditor and their respective solicitors, if known.

(2) If the application cannot be heard before the time specified in the notice for compliance with its requirements, the Registrar shall extend the time, and no act of bankruptcy shall be deemed to have been committed under the notice until the application has been heard and determined.

Afidavit yang difailkan di bawah k. 95(1) adalah merujuk kepada afidavit yang sama yang disebutkan di bawah k. 94(1)(b), yang menyatakan:

94. Particulars to be endorsed on notice

(1) Every bankruptcy notice shall be endorsed with:

(a) ...

(b) an intimation to the debtor that if he has any counterclaim, set off or cross demand which equals or exceeds the amount of the judgment debt, and which he could not have set up in the action in which the judgment or order was obtained, he must within the time specified in the notice file an affidavit to that effect with the Registrar.

Berkaitan dengan ini, "an act of bankruptcy" atau "perbuatan kebankrapan" akan dilakukan oleh penghutang penghakiman seperti yang dinyatakan di bawah s. 3(c)(i) Akta Kebankrapan 1967 yang memperuntukkan seperti berikut:

3. Acts of Bankruptcy

(1) A debtor commits an act of bankruptcy in each of the following case:

(i) if a creditor has obtained a final judgment or final order against him for any amount and execution thereon not having been stayed, has served on him in the Federation or by leave of the court elsewhere, a bankruptcy notice under this Act requiring him to pay the judgment debt or sum ordered to be paid in accordance with the terms of the judgment or order with interest quantified up to the date of issue of the bankruptcy notice, or to secure or compound for it to the satisfaction of the creditor or the court; and he has not within seven days after service of the notice in case the service is affected elsewhere then within the time limited in that behalf by the order granting leave to effect the service, either comply with the requirements of the notice or satisfy the court that he has a counter claim, set off or cross demand which equals or exceeds the amount of the judgment debt or sum ordered to be paid and which he could not set up in the action in which the judgment was obtained or in the proceedings in which the order was obtained ...

Manakala peruntukan k. 18 adalah merupakan satu peruntukan umum bagi sesuatu permohonan yang perlu dibuat berkaitan prosiding kebankrapan. lanya bukan merupakan peruntukan khusus. Kaedah 18(1) memperuntukkan bahawa:

18. Applications to be made by Summons in Chambers.

(1) Except where these Rules or the Act otherwise provide, every application to the Court shall, unless the Chief Justice otherwise directs, be made by summons in chambers supported by affidavit.

Dari peruntukan-peruntukan di atas, mahkamah berpendapat dan memutuskan bahawa peruntukan secara khusus bagi sesuatu permohonan untuk mengetepikan sesuatu notis kebankrapan adalah seperti yang terkandung di dalam di bawah k. 95(1) iaitu dengan memfailkan afidavit yang dianggap sebagai satu permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan tersebut. Walaubagaimanapun, pemfailan afidavit tersebut hendaklah tertakluk kepada syarat-syarat di bawah k. 94(b) dan juga s. 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967 iaitu penghutang penghakiman hendaklah menyatakan di dalam afidavit tersebut yang beliau mempunyai tuntutan balas (counter claim), set-off, tuntutan selisih (cross demand) yang menyamai atau melebihi amaun yang dituntut oleh pemiutang penghakiman di dalam notis kebankrapannya dan afidavit tersebut hendaklah difailkan dalam tempoh tujuh hari selepas tarikh notis kebankrapan berkenaan

diserahkan kepadanya. Sebaik sahaja afidavit sedemikian difailkan, ianya dianggap sebagai satu permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan. Sekiranya permohonan tersebut tidak dapat didengar dan diputuskan di dalam tempoh yang ditetapkan di dalam notis kebankrapan berkenaan, maka pendaftar hendaklah melanjutkan tempoh masa tersebut dan satu perbuatan kebankrapan tidak akan dilakukan selagi permohonan tersebut belum diputuskan, seperti yang diperuntukkan di bawah k. 95(2). Perlanjutan masa seperti yang tercatit di dalam notis kebankrapan hanya diberikan di bawah k. 95(2) dan ianya merujuk kepada tindakan pemfailan afidavit yang dibuat di bawah k. 95(1), yang memenuhi syarat dan mematuhi kehendak-kehendak k. 94(1)(b) dan s. 3(1)(i) Akta Kebankrapan 1967. Ini bermakna, perlanjutan masa tersebut tidak terpakai kepada mana-mana permohonan lain yang tidak difailkan di bawah k. 95(1) dan tidak mematuhi kehendak-kehendak k. 94(1)(b) dan s. 3(1)(i) Akta berkenaan. Permohonan di bawah k. 95(1) adalah merupakan satu permohonan yang khusus yang hendaklah difailkan sebelum tamat tempoh tujuh hari dari tarikh yang ditetapkan di dalam notis kebankrapan kerana selepas tempoh tersebut satu perbuatan kebankrapan telahpun dilakukan oleh penghutang penghakiman. Adalah menjadi hasrat dan tujuan khusus di bawah k. 95(1), bahawa sesuatu perlanjutan masa di dalam notis kebankrapan hanya layak dan sesuai diberikan jika penghutang penghakiman ada mempunyai tuntutan balas, tuntutan selisih atau set-off terhadap pemiutang penghakiman sahaja. Sekiranya penghutang penghakiman berjaya di dalam permohonannya kelak, ianya akan melupuskan sepenuhnya amaun tuntutan yang dibuat oleh pemiutang penghakiman kerana tuntutan balas, tuntutan selisih atau set-off yang dimaksudkan di bawah k. 95(1) hanyalah merujuk kepada amaun yang menyamai (equals) atau melebihi (exceeds) dengan amaun yang dituntut oleh pemiutang penghakiman. Tuntutan yang dibuat oleh penghutang penghakiman di bawah k. 95(1) adalah merupakan tuntutan beliau sendiri terhadap pemiutang penghakiman, tanpa menjejas atau mempertikaikan kesahihan tuntutan yang dibuat oleh pemiutang penghakiman melalui notis kebankrapannya. Lain-lain bentuk permohonan, termasuk permohonan yang mempertikaikan kesahihan sesuatu perintah penghakiman (seperti di dalam kes ini) yang tidak mempunyai ciri-ciri tuntutan balas, tuntutan selisih atau set-off tidak boleh dibuat di bawah k. 95(1) dan oleh itu tidak layak menikmati perlanjutan masa dan perlindungan yang terkandung di bawah k. 95(2).

Bagi mana-mana permohonan yang tidak boleh dibuat di bawah k. 95(1) (seperti permohonan penghutang penghakiman di dalam kes ini) ianya boleh dibuat di bawah k. 18. Walaubagaimanapun, permohonan di bawah k. 18, tidak sama statusnya dengan permohonan di bawah k. 95(1) dan oleh itu tidak dapat menikmati perlindungan yang terkandung di bawah k. 95(2). Permohonan di bawah k. 18, boleh dibuat pada bila-bila masa (tidak semestinya di dalam

tempoh tujuh hari selepas notis kebankrapan diserahkan) dan sekiranya penghutang penghakiman berjaya di dalam permohonan tersebut, remedi yang tersedia untuknya ialah seperti yang terkandung di bawah s. 105 Akta Kebankrapan 1967 di mana mahkamah boleh membatalkan sesuatu perintah "adjudication" yang telah dibuat terhadap penghutang penghakiman di dalam kes-kes tertentu.

Di dalam kes sekarang, permohonan penghutang penghakiman untuk mengetepikan notis kebankrapan adalah dibuat di bawah k. 18, melalui saman dalam kamar yang disokong oleh satu afidavit sokongan. Dua (2) alasan yang diberikan oleh penghutang penghakiman di dalam menyokong permohonan tersebut ialah (i) borang permintaan untuk mengeluarkan notis kebankrapan telah tidak ditandatangani oleh seseorang yang diberikuasa sah oleh pemiutang penghakiman dan (ii) notis kebankrapan yang diserahkan kepada penghutang penghakiman tidak dimeterai oleh mahkamah. Jelas sekali permohonan tersebut tidak memenuhi kehendak-kehendak yang diperlukan bagi sesuatu permohonan di bawah k. 95(1) dan tidak sama sekali mematuhi kehendak-kehendak s. 3(1)(i) dan k. 94(b).

Di dalam kes *Datuk Lim Kheng Kim v. Malayan Banking Berhad* [1993] 2 CLJ 324, Mahkamah Agung telah memutuskan bahawa:

> We are concerned here with the content of the said affidavit. It merely denies and disputes that the appellant was indebted to the respondent in the sum of RM2,603,913.28, but fails to disclose that he has a counterclaim, set-off or cross-demand, etc against the respondent, which is required to depose under s. 3(1)(i) of the Bankruptcy Act ('the Act') and provided for in Form 7. Following the above decision and in the face of the above affidavit, we are of the opinion that the said affidavit cannot operate as an application to set aside the bankruptcy notice within the contemplation of s. 3(1)(i) of the Act, and the case should be treated as if no affidavit under r. 95 had in fact been filed.

Di dalam kes tersebut di atas, Mahkamah Agong telah mengikut prinsip undang-undang yang telah pun diputuskan di dalam kes *In re A Debtor ex p Debtor (No. 523 of 1934)* [1935] 1 Ch 347, di mana Slesser LJ di dalam penghakimannya di ms 352, telah menyatakan:

> It is, therefore, necessary that the affidavit in question should, on the face of it, show a counter claim, set-off, or cross demand which equals or exceeds the amount of the judgment debt, and which the debtor could not have set up in the action in which the judgment or order was obtained.

Di dalam kes *Datuk Lim Kheng Kim* (di atas), Mohamed Dzaiddin SCJ (sekarang CJ), telah menegaskan bahawa di dalam keadaan di mana afidavit bantahan penghutang penghakiman tidak mengandungi keujudan tuntutan balas, set-off atau tuntutan selisih, penghutang penghakiman sepatutnya membuat satu permohonan formal di bawah k. 18. Beliau seterusnya menyatakan:

> In our opinion, failure on the part of the appellant to follow r. 18 renders his 'affidavit in opposition' ineffective and bad in law because unless the court otherwise directs, challenges to the Creditor's petition or bankruptcy notice other than that he has a counter claim, set-off or cross demand which equals or exceeds the judgment debt, must be made by filing a notice of motion supported by affidavit.

(melalui P.U.(A) 60/1993, k. 18 telah dipinda di mana perkataan "notice of motion" telah digantikan dengan "summons in chambers").

Berdasarkan autoriti-autoriti di atas dan juga isi kandungan afidavit-afidavit dan permohonan untuk mengetepikan notis kebankrapan yang dibuat oleh penghutang penghakiman di dalam kes ini, mahkamah memutuskan bahawa permohonan tersebut bukan merupakan satu permohonan di bawah k. 95(1) dan oleh itu perlanjutan masa dan perlindungan di bawah k. 95(2) tidak terpakai. Oleh itu, penghutang penghakiman telah melakukan perbuatan kebankrapan (an act of bankruptcy) pada 28 Jun 2000 iaitu tujuh hari selepas notis kebankrapan tersebut diserahkan kepadanya pada 21 Jun 2000. Oleh yang demikian, pemiutang penghakiman telah sepatutnya memfailkan petisyen pemiutang terhadap penghutang penghakiman pada 23 November 2000 iaitu dalam tempoh enam bulan daripada tarikh berlakunya perbuatan kebankrapan (pada 26 Jun 2000) selaras dengan peruntukan s. 5(1)(c) Akta Kebankrapan 1967 yang menyatakan:

> **5. Conditions on which Creditor may petition**
>
> (1) A creditor shall not be entitled to present a bankruptcy petition against a debtor unless:
>
> (c) the act of bankruptcy on which the petition is grounded has occurred within six months before the presentation of the petition.

Keputusan Bagi Rayuan Kedua (Kand. 24)

Berdasarkan pertimbangan di atas mahkamah memutuskan bahawa rayuan pemiutang penghakiman (di dalam kand. 24) dibenarkan dengan kos. Mahkamah juga memerintahkan petisyen pemiutang berkenaan dirujuk kepada timbalan pendaftar/penolong kanan pendaftar untuk perbicaraan lanjut bagi mendapatkan "adjudication order" dan "receiving order".